

# Qalam

Bilangan 69: Sya'aban 1375 – April 1956 : 60 sen

## Hari Raya Kemerdekaan di Pakistan

Pada 23 haribulan Mac tahun 1956 Republik Islam Pakistan telah diisytiharkan. Pengisytiharan ini ertinya negara Pakistan telah mengumumkan kepada dunia bahawa pemerintahannya adalah pemerintahan Islam yang berdasarkan kepada al-Qur'ān dan al-Hadith, pengisytiharan negara Islam yang pertama. Tidak ada negara-negara yang lain mengisytiharkan dasar pemerintahannya dengan Islam selain daripada Pakistan.

Ini bererti bahawa Pakistanlah yang memulakan di dalam kurun yang ke-20 ini sebuah negara Islam. Kita mengucapkan syukur dan mengucapkan tahniah atas kejayaan umat Pakistan menegakkan kalimah Allah Yang Maha Tinggi pada tempatnya. Mudah-mudahan banyak lagi yang akan mengikuti dan berjaya dalam menyampaikan cita-cita Islam itu.

Kita umat Islam patut sama-sama bermohon kepada Allah meminta mudah-mudahan langkahnya itu terlaksana dan hukum-hukumnya berjalan mengikut dasar undang-undang Islam. Mudah-mudahan janganlah kelak undang-undang itu dijadikan galak dan permainan orang kerana Pakistan tidak menjalankannya, sebab semenjak dari dahulu sengaja di da'ayahkan kepada umum bahawa tidak mungkin peraturan Islam boleh dijalankan di dalam pemerintahan. Allah Yang Maha Kaya, insya-Allah, akan menegakkan negara Islam, dengan dasar-dasarnya. Amin.

\* \* \*

## Merdeka di Singapura.

Semangat minggu merdeka di Singapura telah dikobar-kobarkan oleh Tuan David Marshall. Perjumpaan untuk menuntut supaya pemerintah Inggeris memberi kemerdekaan itu telah diadakan di Kallang Airport pada 18 haribulan Mac yang lalu. Kesudahan kegembiraan itu menjadikan berlaku rusuhan-rusuhan yang mujurnya rusuhan-rusuhan itu dapat dikawal atau terkawal.

Dengan terjadinya rusuhan-rusuhan itu dapat kita melihat bahawa pemimpin-pemimpin yang mengadakannya itu tidak berupaya untuk mententeramkan keadaan dan zahir bahawa mereka sebenar-benarnya hampir-hampir tidak berpengaruh sedikit jua pun kepada masyarakat yang dikumpulkan oleh mereka di situ yang bilangannya lebih daripada tiga puluh ribu orang.

Melihat kepada keadaan di Singapura, dan kepada sekalian masyarakat Singapura, orang ramai telah berpendapat bahawa belum masanya bagi Singapura untuk merdeka. Kesempurnaan pentadbiran tidak akan memuaskan mereka kalau merdeka sekarang sebab pentadbiran itu belum dapat latihan yang sempurna.

Percubaan-percubaan kepada latihan-latihan itu mesti diadakan setapak demi setapak supaya kesejahteraan umum mesti terkawal.

Mereka berpendapat jangankan perkara pentadbiran yang lebih besar sedangkan baharu pada permulaannya sahaja bahagian-bahagaian itu diserahkan kepada badan-badan atau orang-orang anak negeri ini banyak yang kucar-kacir. Perhatikan sahaja perpindahan di antara Oriental Telephone kepada Telephone Board yang menjalankan pentadbiran telefon sekarang, sungutan orang ramai tidak putus-putusnya disebabkan kerana kepayahan terbit apabila orang hendak menelefon ke mana-mana disebabkan lain nombor yang dikehendaki lain pula yang sampai oleh yang demikian kita tetap berpendirian merdeka sekarang